



Pasukan Bolasepak Staf KUKUM (KUKUM FT)

KUKUM FT bukanlah satu nama yang gah seperti kelab-kelab bolasepak Kelantan SKMK, Public Bank atau MPPJ. Malah, KUKUM FT merupakan sebuah pasukan dalam pembikinan untuk menempa nama di arena bolasepak ke peringkat yang lebih tinggi. Pasukan KUKUM FT yang dibentuk dibawah Kelab Kakitangan KUKUM diterajui oleh seorang Pengurus Pasukan yang tidak pernah jemu menabur keringat dalam meningkatkan mutu bolasepak KUKUM FT iaitu En. Mohd. Nazri Md. Noor serta dibantu oleh En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah dan Ku Ismafaizul Ku Ismail. KUKUM FT juga mendapat bimbingan daripada seorang jurulatih tempatan iaitu En. Khamal Idris Ali dan dibantu oleh En. Zulfatah Dzulkarnain.

KUKUM FT menjalani latihan 3 kali seminggu memandangkan kebanyakan pemain mempunyai tugas masing-masing. Penyertaan sulung pada peringkat Sukan Antara Staf IPTA ke 28 yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah adalah satu pendedahan awal dalam membentuk pasukan yang lebih mantap. Dalam kejohanan tersebut KUKUM FT memberi saingan kepada pasukan yang lebih stabil antaranya USM dan UMS sendiri.

Hampir lapan bulan penubuhan KUKUM FT, latihan demi latihan, perlawanan demi perlawanan, kini pasukan KUKUM FT telah bersedia untuk berjuang dalam mana-mana kejohanan yang akan disertai. Untuk tahun 2004, KUKUM FT akan terlibat dengan tiga kejohanan besar iaitu Bolasepak Liga BUMITA

dan Liga ISTANA dan yang paling penting ialah misi ke Sukan Antara Staf IPTA yang akan berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tidak lama lagi. Dengan pemain yang dianggap setanding dengan pasukan yang telah lama menapak seperti Che Husin Man, bekas pemain Pasukan Perlis dan Anas Effiendi Abd. Rahman, bekas pemain Liga Simpanan Perlis, diharap dapat membantu KUKUM FT dalam menempa nama dan melangkah lebih jauh.

Sasaran KUKUM FT untuk tahun 2004 ialah untuk masuk ke peringkat yang lebih jauh dalam Sukan Antara Staf IPTA berbanding penyertaan pada peringkat awal. Sepanjang tahun 2003, KUKUM FT telah mengadakan beberapa perlawanan persahabatan di dalam persiapan membentuk sebuah pasukan yang mantap. Diantaranya :

- IKM Alor Setar** (8 Mei 2003) *Seri 2-2*
- PDRM Perlis** (10 Mei 2003) *Kalah 0-2*
- Collection FC Perlis** (23 Mei 2003) *Kalah 1-2*
- Pasukan Veteran Kedah** (24 Jun 2003) *Seri 2-2*
- Staf USM Kampus Kej.** (12 Sept 2003) *Menang 3-0*
- Kilang Gula FC** (29 Sept 2003) *Seri 1-1*
- Maybank Alor Setar** (3 Okt 2003) *Kalah 3-4*
- BOC Kangar** (8 Okt 2003) *Menang 6-2*
- Felda Cuping FC** (14 Okt 2003) *Menang 4-0*
- Collection FC Perlis** (25 Okt 2003) *Menang 2-1*
- EON Kangar** (15 Dis 2003) *Menang 3-0*



Organisasi KUKUM FT

Pengurus

Mohd. Nazri Md. Noor

Pen. Pengurus (1)

Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah

Pen. Pengurus (2)

Ku Ismafaizul Ku Ismail

Jurulatih

Khamal Idris Ali

Pen. Jurulatih (1)

Zulfatah Dzulkarnain

Pen. Jurulatih (2)

Anas Effiendi Abd. Rahman

Penjaga Gol

Baharuddin Ismail
Hasriful Syahrudin
Syazmil Yusri Bin Shukor

Pertahanan

Bahari Man
Hasrizal Husain@Hashim
Khairul Kamarudin
Mohamad Hamdan Abd. Hamid
Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah
Shahrizam Abd. Rahim
Mohd. Nizam Ismail
Husni Ashraf Hussain

Tengah

Sazali Saad
Adi Ashraff Zulkifli
Afendi Johari
Ahmad Fahmi Mohd Fauzi
Ahmad Farez Mohd Fikri
Anas Effiendi Abd Rahman
Jefri Efendi Mohd Saleh
Ku Ismafaizul Ku Ismail

Penyerang

Azmi Aziz
Che Hussein Man
Mohd Hafeez Nordin
Zulfatah Dzulkarnain

HIDUP KUKUM FT.....

